

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan kajian Jawatankuasa Reformasi Sistem Pilihan Raya yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman yang telah diserahkan kepada Perdana Menteri sebelum ini.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Akhir Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) yang berstatus embargo mengandungi 49 syor akan diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet.

Jawatankuasa Khas Kabinet yang ditubuhkan ini meneliti semua syor yang dikemukakan serta mengkaji kesesuaian pelaksanaannya. Ini kerana syor-syor ERC melibatkan perundangan dan bidang kuasa pelbagai kementerian.

Selain itu, syor-syor itu juga memerlukan pindaan kepada undang-undang sedia ada termasuklah pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.